

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) atas kes pembunuhan Althantuya ekoran pendedahan Sirul bahawa beliau melakukan pembunuhan atas arahan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, belum ada sebarang kenyataan rasmi atau keterangan berkaitan pendedahan yang didakwa hendak dibuat oleh Koperal Sirul Azhar. Oleh yang demikian, tiada tindakan dimulakan oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. LOKE SIEW FOOK
[Seremban]**

TARIKH : 28.05.2015 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 66

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sebab Kementerian memilih untuk membuka sebuah Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di daerah Rembau, Negeri Sembilan dan bukannya di daerah Jelevu atau Jempol yang lebih memerlukannya memandangkan kedudukan kedua-dua daerah ini lebih jauh dari ibu negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih atas perhatian Ahli Yang Berhormat mengenai Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Negeri Sembilan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Peneraju RTC yang lain dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan telah membuat lawatan tapak ke 6 lokasi yang dicadangkan untuk dijadikan RTC di Negeri Sembilan.

Hasil lawatan ini, semua pihak iaitu KKLW, Kementerian Peneraju yang lain serta Kerajaan Negeri Sembilan bersetuju supaya Rembau dipilih sebagai RTC memandangkan lokasi tersebut memenuhi kriteria RTC iaitu mempunyai bangunan sedia ada yang boleh beroperasi dengan segera melalui sedikit penambahbaikan, kedudukan yang berhampiran dengan pasar utama dan mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang baik. Pemilihan lokasi ini juga adalah selari dengan kriteria Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu pelaksanaan pantas, penjimatan kos kepada Kerajaan dan memberi impak tinggi kepada masyarakat setempat dan dalam radius RTC (100KM).